







Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call. Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1969](#) > [December](#) > [27](#) > [Page 4](#) > [Masjid baru Kajang hampir siap](#)



Masjid baru Kajang hampir siap

Berita Harian, 27 December 1969, Page 4

Share    



Save Citation

[« Previous Article](#) [Next Article »](#)

Masjid baru Kajang hampir siap

KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI TAMBAH BANTUAN

Renchana ugama


Oleh

KAMAR DEWA


LEBEH tiga ribu orang penduduk Islam di-Mukim Kajang, Selangor, dijangka akan mulai menunaikan sembahyang Juma'at di masjid baharu yang sekarang hampir siap di-bena.

Masjid tersebut menelan perbelanjaan kira2 \$300,000 di-






beni dalam kawasan sa-luas lima ekar — dua ekar tanah Kerajaan dan tiga ekar lagi di-beli dengan harga \$60,000.



Penduduk Kajang mengingini sa-buah masjid baharu semenjak tahun 1954 dahulu lagi untuk menggantikan masjid lama yang sekarang berumur lebeh 50 tahun dan hanya dapat menampung kira2 300 orang sidang jema'ah.

Ketika bersembahyang Juma'at, ramai para jema'ah terpaksa bersembahyang di-chelah2 kasut atau selepar di-anjong masjid. Keadaan itu menjadi lebeh sesak lagi dalam masa sembahyang hari raya.


Tun Razak



Chita2 mendirikan masjid baharu mulai dilaksanakan pada 2 Julai, 1969 ketika Enche Hassan bin Ibrahim, Pegawai Daerah, di-lantek sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Jame' Mukim Kajang.

Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak meletakkan batu asas masjid itu pada 23 Ogos, 1969.


Sekarang hampir2 70 peratus kerja membenaunya telah di-selesaikan.



"Saya menjangka masjid itu akan siap sa-lambat2-nya dalam bulan Mach tahun 1970." kata Enche Hussain bin Soud. Penghulu Mukim Kajang merangkap Setiausaha Pembinaan Masjid tersebut.

Kata-nya masjid baharu akan dapat menampung 2,000 orang sidang

jema'ah sementara tingkat atas bangunan itu dapat di-gunakan untuk kaum wanita.



"Di-tingkat itu sahaja boleh muat lebeh 300 orang untuk bersembahyang." kata Enche Hussain.

Bentuk masjid itu, pada keseluruhannya, adalah seperti Masjid Jame' di-Machang, Kelantan dengan sedikit pindaan yang di-buat oleh akitek Enche Ariffin bin Abdullah yang juga di-datangkan dari Kelantan.

Kerajaan Negeri Selangor mula-mula memberikan bantuan \$100,000 sahaja demikian juga Kerajaan Pusat, tetapi atas jasa baik Tuan Haji Muhammad Nazir, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Enche Shariff Ahmad, Ahli Dewan Rakyat, tiap2 kerajaan menambah bantuan masing2 sa-banyak \$30,000 lagi.

Orang ramai pula diharapkan menyumbangkan sa-jumlah \$40,000.

Kata Enche Hussain: "Derma2 yang datang sungguh menggalakkan termasuk dari orang bukan Islam. Sa-hingga hari ini, anggaran yang di-harapkan itu boleh dikatakan sudah menchukupi.

"Sa-bahagian besar derma2 datang dari mukim ini sendiri. Hanya sa-bahagian kecil dari mukim2 lain.

Dermawan

"Adek beradek Akik Khan, hartawan di-Kajang, ia-lah di-antara orang Islam yang paling banyak memberi derma. Beliau menyumbangkan alat pembesar suara berharga \$2,365."

"Bagaimana pun," kata Enche Hussain lagi, "derma2 maseh di-perlukan kerana banyak lagi yang harus di-buat seperti tempat meletakkan basikal dan membena jalan masuk ka-masjid. Pro-

jek itu sahaja di-taksir menelan belanja sa-banyak \$19,000."

Menyentuh bangunan masjid lama yang terletak tidak jauh dari bangunan

banaru, beliau tidak dapat menegaskan sama ada ia akan di-runtuhkan atau di-biarkan begitu sahaja.

"Ma'alum-lah masjid, bukan mudah hendak meruntuhkan sa-buah masjid," kata-nya.

"Tetapi kalau Kerajaan hendak menggunakan tapak-nya bagi sa-suatu rancangan pembangunan terpaksa-lah bangunan lama itu di-runtuhkan," beliau menambah.

Sa-lepas Enche Hassan Ibrahim berpindah ka-Kuala Lumpur, jawatan Pengerusi Masjid di-pegang oleh Pegawai Daerah yang baharu Enche Abu Hassan bin Omar.

Bila Enche Abu Hassan pula bertukar, tempat-nya di-penuhi oleh Raja Azman bin Raja Ismail, Pegawai Daerah Kajang yang baharu.

Bagi pehak Jawatan-kuasa, Enche Hussain menguchapkan rasa terima kaseh-nya yang ta' terhingga kapada orang2 yang telah menghulorkan derma.



Masjid baru sedang di-bena





HUSSAIN SOUD



Masjid lama berumur 50 tahun



NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#) [Accessibility Information](#)



[Report Vulnerability](#) [Privacy Statement](#) [Terms of Use](#) [Other Policies](#)

©2026, NLB
Last Updated 2023-01-31